

BAHASA MELAYU KOMUNIKASI
KSSM PENDIDIKAN KHAS TINGKATAN 5
UNIT 7 MELANCONG

Berdasarkan petikan yang bertajuk "Indahnya Pulau Mabul", jawab soalan objektif yang mengikutinya.

Membaca

Indahnya Pulau Mabul

TEMA 3

Masa Lapang

Pulau Mabul merupakan sebuah pulau kecil yang terletak di luar perairan Sabah. Pulau yang terletak kira-kira 26 kilometer dari Semporna itu mengambil masa lebih kurang satu jam dengan menaiki bot laju untuk sampai ke sana, bergantung pada keadaan cuaca. Pulau Mabul menjadi tumpuan pelancong sama ada dari dalam atau luar negara.

Pulau ini dianggap sebagai lokasi fotografi terhebat dunia kerana dikelilingi terumbu karang lembut. Keindahan pulau ini dapat dibuktikan dengan kebiruan air lautnya yang jernih seperti kristal.

Selain itu, Pulau Mabul dianggap istimewa kerana mempunyai pelbagai jenis haiwan marin yang mendiami dasar lautnya. Antara hidupan laut yang boleh ditemukan termasuklah kuda laut, tapak sulaiman eksotik, ikan buaya dan belut laut. Pulau ini juga merupakan satu destinasi pelancongan yang popular terutamanya bagi penggemar aktiviti menyelam skuba.

50 of 100

(Sumber: www.sabahitourism.com)

Pilih jawapan yang betul.

1. Pulau Mabul merupakan sebuah pulau kecil yang terletak di luar perairan _____.
A. Sabah
B. Sarawak
C. Selangor
2. Pulau Mabul terletak kira-kira _____ dari Semporna.
A. 20 kilometer
B. 35 kilometer
C. 26 kilometer
3. Pulau ini dianggap sebagai lokasi fotografi terhebat dunia kerana dikelilingi _____.
A. pulau-pulau yang besar
B. terumbu karang lembut
C. perairan yang sangat dalam
4. Keindahan Pulau Mabul dapat dibuktikan dengan kebiruan airnya yang jernih seperti _____.
A. ais
B. kristal
C. awan
5. Pulau ini merupakan satu destinasi pelancongan yang popular terutamanya bagi penggemar aktiviti _____.
A. penyelam skuba
B. berkayak
C. perlumbaan perahu layar